



**PERINGATAN PERTAMA**

Ruj. Kami : ANMSEL.A.400-1/3/13 JLD.2 (47)

Tarikh : 19 Jun 2026

**Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

Tuan/Puan,

**SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN BAGI BULAN MEI 2026**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2025**, Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya 14 hari dari hari pertama bekerja pada bulan berikutnya**. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati PTJ Tuan/Puan seperti di **Lampiran A** masih belum mengemukakan Sijil Pengesahan Baki (SPB) dalam tempoh yang ditetapkan.

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengemukakan SPB tersebut berserta dengan surat tunjuk sebab yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan masing-masing kepada jabatan ini **selewat-lewatnya pada 30 Jun 2026**.

4. Kelewatan atau kegagalan mengemukakan Sijil Pengesahan Baki tersebut akan menyebabkan ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan 143(b).

5. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

Nama Pegawai	Jawatan	No. Telefon
Puan Ratna Dewi Binti Nursal	Penolong Pengarah Kanan	03-5520 5333
Puan Norsuzila Binti Misbah	Penolong Akauntan	03-5520 5270
Puan Norulaidil Binti Othman (PIC)	Pembantu Tadbir (Kew)	03-5520 5227

6. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"**

Saya yang menjalankan amanah,

(**SHAHNAZ BIN ABD SALAM** C.A.(M), CPA(M))

Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Selangor  
No. Tel : 03-55205201  
E-mel : [pneg\\_sgr@anm.gov.my](mailto:pneg_sgr@anm.gov.my)

Tajuk : SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN BAGI BULAN MEI 2026  
Ruj. kami : ANMSEL.A.400-1/3/13 JLD.2 (47)  
Bertarikh : 19 Jun 2026

---

LAMPIRAN A

**SENARAI PTJ YANG BELUM MENGEMUKAKAN SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN  
BAGI BULAN MEI 2026**

*Kemaskini sehingga 15 Jun 2026*

BIL	KOD PTJ	NAMA PTJ
1	35279000	JKR ELEKTRIK SELANGOR
2	53120301	IBU PEJABAT POLIS DAERAH AMPANG

